

BAB DUA

SELATAN THAILAND, *CHANGWAT* NARATHIWAT DAN KAWASAN KAJIAN

2.1 Bahagian Selatan Thailand


Negara Thailand boleh dibahagikan kepada empat bahagian iaitu Bahagian Timur Laut (dalam bahasa Thai disebut *Paak Tawan Ok Chien Nea*) yang merangkumi 17 *changwat*; Bahagian Utara (*Paak Nea*) dengan 17 *changwat*; Bahagian Tengah (*Paak Klang*) dengan 25 *changwat* dan Bahagian Selatan (*Paak Tai*) dengan 14 buah *changwat*. Dengan ini, pentadbiran negara Thailand merangkumi 73 buah *changwat*.¹

Paak Tai adalah satu kawasan yang dikira bermula dari *Changwat* Chumphon dan mengunjur sepanjang 600 km ke selatan sehingga ke *Changwat* Yala. Kelebaran *Paak Tai* ini tidak sama. Bahagian yang paling sempit adalah di Segenting Kra yang dihimpit oleh negara Myanmar di *Changwat* Chumphon dengan kelebaran 16 km sahaja. Bahagian yang paling lebar pula adalah kira-kira 250 km iaitu kawasan yang terbentang dari *Changwat* Phangnga ke Nakhon Sritammarat. Luas keseluruhan Bahagian *Paak Tai* adalah 70,715 km² iaitu kira-

kira 13.8 % dari keseluruhan negara Thailand.² (Lihat peta 2.1)

PETA 2.1

BAHAGIAN SELATAN THAILAND DAN KEDUDUKAN *CHANGWAT-CHANGWAT* DI DALAM PENTADBIRANNYA



SUMBER: Harld Uhlig; "Southern Thailand and Its Border Provinces" dalam *Regions and National Integration in Thailand 1892 – 1992*, MZ- Verlagsdruckerei, Memmingen, Germany, 1995, hal.219

Dari segi geografi, *Paak Tai* boleh di bahagikan kepada dua bahagian iaitu Pantai Timur dan Pantai Barat. Bahagian Pantai Timur merangkumi lapan *changwat* iaitu Chumphon, Surat Tani, Nakhon Sritammarat, Phattalung, Songkla, Pattani, Yala dan Narathiwat. Bahagian Pantai Barat pula terdiri dari *changwat-changwat* Ranong, Phangnga, Phuket, Krabi, Trang dan Satun. Bahagian Pantai Timur keadaannya lebih rata dan landai berbanding dengan Pantai Barat yang keadaannya bergunung dan tanah tinggi. Dua banjaran gunung di bahagian Pantai Barat ini dikenali sebagai Banjaran Phuket yang mengunjur dari *Changwat* Chumphon ke *Changwat* Satun. Satu lagi adalah Banjaran Nakhon Srithammarat yang bermula dari Pulau Tao hingga ke Padang Besar di Semenanjung Malaysia.³

Iklm dan cuaca Bahagian *Paak Tai* adalah pertengahan antara iklim Khatulistiwa dan iklim Monsun Tropika.⁴ Iklim jenis ini adalah panas sepanjang tahun tetapi tidak melampau kerana menerima sedikit pengaruh angin monsun. Bahagian *Paak Tai* merupakan kawasan yang paling subur di Thailand dari ketiga-tiga bahagian yang lain. Kedua-dua bahagian Pantai Barat dan Pantai Timur menerima kadar hujan yang berbeza bergantung kepada pengaruh angin monsun yang diterima. Pantai Timur mendapat pengaruh angin Monsun Timur Laut menerima hujan agak sedikit kerana angin ini dihalang oleh negara Vietnam. Bahagian Pantai Barat pula menerima pengaruh Monsun Barat Daya yang bertiup melalui Lautan Hindi. Tanpa dihalang oleh sesuatu, angin ini membawa hujan yang

lebat ke bahagian ini. Purata hujan tahunan adalah 2,221 mm dan purata suhunya pula adalah 27.5°C.

Jumlah penduduk *Paak Tai* mengikut statistik tahun 1990 adalah 7,092,762 orang. Ini bermakna penduduk Bahagian *Paak Tai* adalah 13% dari keseluruhan jumlah penduduk Thailand yang berjumlah 56 juta orang.⁵ Kawasan tumpuan penduduk adalah di bahagian Pantai Timur dengan kepadatan yang berbeza-beza dari 200 orang/km² hingga 50 orang/km². Ekonomi penduduk *Paak Tai* adalah pertanian seperti hasil getah, buah-buahan, perikanan dan padi. Sektor pertanian yang diusahakan ini sebahagian besar pemilikannya adalah secara pekebun kecil sahaja. Sektor pertanian kecil-kecilan ini adalah untuk tujuan saradiri dan masih lagi diteruskan walaupun Thailand telah melalui lebih dari 100 tahun revolusi perdagangan.⁶ Pada hari ini masih terdapat berjuta-juta keluarga tani yang menjalankan aktiviti pertanian untuk tujuan saradiri terutama sektor penanaman padi. Untuk tujuan kajian masyarakat dan aktiviti penanaman padi ini, *Changwat Narathiwat* telah diberi tumpuan.

2.2 *Changwat Narathiwat*

Changwat Narathiwat mempunyai sempadan pentadbiran seperti berikut: Bahagian utara disempadani oleh *Changwat Pattani*, sebelah timurnya pula menghadap ke Teluk Siam, bahagian selatan bersempadan dengan Semenanjung Malaysia dan di bahagian barat di sempadani oleh *Changwat Yala*. Keluasan

Changwat Narathiwat adalah 2,792,143 *rai*² atau 4,475.530 km².⁷

Bilangan penduduknya mengikut statistik tahun 1995 adalah berjumlah 610,069 orang yang sebahagian besarnya orang Melayu. Dengan demikian penduduk *changwat* ini lebih banyak menggunakan Bahasa Melayu dalam dialek tempatan (seperti dialek orang Kelantan). Bahasa Thai hanya digunakan untuk urusan rasmi sahaja. Kira-kira 82.1% adalah beragama Islam, 17.3% beragama Buddha dan 0.6% lain-lain agama.⁸

Sebelum memberi fokus kepada kawasan kajian, adalah lebih baik melihat sejarah *changwat* ini terlebih dahulu bagi memahami latar belakang masyarakat. Tujuan pendedahan latar belakang sejarah ini adalah untuk menjelaskan mengapa terdapat perbezaan yang jelas terhadap penduduknya dalam sebuah pentadbiran kerajaan Siam dari segi bahasa, agama dan cara hidup masyarakat.

Mengikut catatan sejarah, *Changwat Narathiwat* bermula dengan negeri Petani atau Pattani yang di percayai wujud di sekitar tahun 1390-an. Raja Pattani yang bernama Sultan Ismail Shah (1500-1530 M) adalah pengasas kepada kerajaan Melayu Islam.⁹ Pattani adalah sebuah pelabuhan yang sangat penting di utara Semenanjung Tanah Melayu. Pada ketika itu kawasan pemerintahannya adalah seluas 5,446 batu² yang termasuk Pattani, Yala, Narathiwat, Chana dan Thepa. Kekayaan Pattani ini telah menarik minat banyak pihak untuk menguasainya:

Pattani evidently existed before it was governed by

Melaka which started at the beginning of the 15th century. At that time Pattani was a very important trading port on the Malay Peninsula. The Pattani government ruled an area of 5,446 square miles including Pattani, Yala, Narathiwat, Chana and Thepa.¹⁰


Empat wilayah sekarang yang juga dipanggil *Changwat Chaideen Paak Tai*¹¹ iaitu Pattani, Narathiwat, Yala dan Satun telah menerima ancaman dari kerajaan Siam sejak kerajaan Sukhotai lagi, tetapi sering mendapat tentangan dari kerajaan Pattani. Menjelang tahun 1688, dengan kemangkatan Raja Kuning, kerajaan Pattani mula mengalami zaman kejatuhan. Mulai tahun 1700 Pattani terpaksa mengakui kepertuanan kerajaan Siam dan telah menghantar ufti (dalam bentuk bunga emas tiga tahun sekali) kepada Kerajaan Siam (zaman itu pusat kerajaan adalah Thonburi) sebagai balasan kepada perlindungan yang diberikan.¹²

Kepertuanan ke atas empat wilayah ini diperkuatkan hingga zaman pemerintahan Bangkok. Penguasaan tersebut telah diteruskan dalam kempen peluasan kuasa oleh Panglima Chakri (yang kemudian menjadi raja dengan gelaran Rama I Maha Uparat) pada tahun 1785. Kempen peluasan kuasa ini juga telah melibatkan Kedah, Kelantan dan Terengganu. Bangkok telah meletakkan pengawasan negeri-negeri Melayu ini di bawah Nakhon Srithammarat sebagai pusat pentadbiran di Bahagian Selatan.¹³

Menjelang tahun 1791, pentadbiran Bahagian Selatan telah dibahagikan kepada Nakhon Srithammarat dan Songkla,

satu lagi wilayah Siam bersempadan dengan Pattani. Terengganu dan Patani diletakkan di bawah pentadbiran baru Songkla dan di bawah pengawasan Pesuruhjaya Siam, sementara Kedah dan Kelantan tetap di bawah Nakhon Sritammarat.¹⁴ (Lihat peta 2.2)

PETA 2.2:
NEGERI-NEGERI MELAYU DI BAHAGIAN UTARA SEMENANJUNG TANAH MELAYU YANG MENJADI NEGERI NAUNGAN KERAJAAN SIAM SEHINGGA ABAD KE -18



SUMBER: Walter F. Vella; Siam Under Rama III, J.J.. Augustin Incorporated Publisher, New York, USA , 1968, hal.60

Tujuan mewujudkan Songkla sebagai pusat pentadbiran kedua adalah untuk menguatkan lagi kawalan ke atas negeri-negeri Melayu dan pada masa yang sama menghadkan pemusatan kuasa oleh Nakhon Srithammarat. Dalam masa penaungan ini kuasa Pesuruhjaya Siam mengatasi kuasa raja Melayu dan berlaku campur tangan pegawai-pegawai Siam dalam urusan adat istiadat Melayu. Campur tangan pentadbiran Siam secara langsung ini, menyebabkan berlakunya pemberontan orang-orang Melayu Pattani. Pemerintah Pattani tidak dapat menerima kehilangan kuasa mereka. Dengan demikian, ada pemerintah-pemerintah Pattani yang membuat rayuan terus kepada Maharaja Siam dan ada setengahnya pula terutama golongan diraja membuat rayuan kepada pihak British supaya membebaskan mereka dari cengkaman Siam.

Banyak permohonan dari raja-raja Melayu Pattani dihantar kepada Pejabat Pentadbiran British di Malaya dan Singapura. Surat-surat ini menyatakan mereka lebih rela berada di bawah pentadbiran British. Pihak British tidak mengambil sebarang tindakan terhadap permohonan-permohonan ini kerana tidak mahu campur tangan dalam politik di Asia Tenggara.¹⁵

Oleh kerana tiada sebarang maklum balas dari pihak British dan permohonan secara aman kepada Maharaja Siam juga tidak dilayan, raja-raja Melayu mula mengambil tindakan sendiri. Contoh yang jelas adalah tindakan yang diambil oleh Raja Abdul Kadir dari Pattani untuk menentang Siam. Tindakan

ini mendapat sokongan dari Raja-raja Raman, Saiburi dan Rangae. Walau bagaimanapun dalam pemberontakan ini Raja Abdul Kadir telah ditangkap dan dipenjarakan di Pitsanulok (bahagian utara) atas tuduhan "against an order of the king".¹⁶

Bangkok, semasa pemerintahan Rama II bimbang terhadap pemberontakan ini akhirnya memilih untuk mengurangkan kesatuan Pattani dengan melancarkan polisi 'pecah dan perintah'. Sehubungan dengan itu, dalam tahun 1816, Pattani telah dipecahkan kepada tujuh pusat pentadbiran kecil iaitu; Pattani, Saiburi (Teluban), Nongchik, Yaring, Yala, Raman dan Rangae (Legeh). Setiap pusat pentadbiran ini diperintah oleh raja Melayu yang dilantik oleh Siam kecuali Yaring yang diperintah oleh pegawai Siam.

Penguasaan Siam ke atas beberapa negeri Melayu ini berakhir dalam tahun 1909 semasa pemerintahan Rama V (Raja Chulalongkorn). Kerajaan Siam terpaksa menyerahkan sebahagian dari tanah jajahannya kepada British melalui Perjanjian Bangkok. Kelantan, Terengganu, Kedah dan Perlis telah diserahkan manakala Pattani, Yala, Satun dan Narathiwat tetap sebagai hak milik Siam. Dengan perjanjian tahun 1909, Siam kehilangan separuh dari kawasan negeri-negeri Melayunya dan secara rasminya empat Wilayah Melayu tersebut menjadi hak kedaulatan kerajaan Siam hingga ke hari ini:

The negotiation of the treaty of 1909 was a long and delicate task. Although discussions began in 1904, the treaty did not come a reality until five years later

when Siam transferred to Great Britain her sovereign rights over Kelantan, Terengganu, Kedah and Perlis - an area about 20,000 square miles.¹⁷

Sebelum termeterai perjanjian ini, dalam tahun 1906, Rama V mengubah pusat pentadbiran Wilayah Selatan. Dari tujuh pusat pentadbiran tersebut (yang dipanggil *Cet Huamuang Khet*) iaitu Nongchik, Yakring, Raman (Kabu), Yala, Saiburi (Teluban), Rangae (Legeh) dan Pattani disatukan kepada empat pusat pentadbiran sahaja (dalam bahasa Thai disebut *monthon*). Dengan demikian, empat pusat pentadbiran ini telah disatukan dan membentuk '*monthon Pattani*' atau kesatuan Pattani. Perubahan pusat pentadbiran tersebut adalah seperti berikut:

1. Yala dan Raman menjadi Yala
2. Pattani, Nongchik dan Yaring menjadi Pattani
3. Saiburi kekal sebagai Saiburi
4. Rangae (Legeh) menjadi Bangnara¹⁸

Narathiwat adalah dahulunya dipanggil Manalo, merupakan satu *mubaan* di dalam kawasan Saiburi telah diletakkan di bawah pentadbiran Rangae (Legeh). Kedudukan Manalo di tepi laut menyebabkan tempat ini menjadi tumpuan penduduk dan kesannya penduduk Manalo bertambah lebih pesat dari Rangae. Dengan demikian pusat pentadbiran kemudiannya dipindahkan dari Rangae ke Manalo sendiri dan diberi nama *Amphoe Bangnara*. Pada 19 Jun 1915 Baginda Rama VI (Raja Vajiravudh) telah berkenan menukar nama Bangnara menjadi Narathiwat yang bermaksud '*tiyu kong kondi*' (tempat tinggal

bagi orang-orang baik).¹⁹ Menjelang tahun 1916, semasa pemerintahan Rama ke-VI, sekali lagi sistem pentadbiran empat *monthon* ini diubah. *Monthon* Pattani telah diserapkan kepada *Monthon* Srithammarat, tetapi menjelang tahun 1932 semua *monthon* telah dihapuskan. Setiap pusat pentadbiran telah diberi kuasa membuat pentadbiran sendiri dan dipanggil *changwat*.

Empat pusat pentadbiran tersebut kemudiannya ditukar menjadi *changwat*, iaitu *Changwat* Pattani, *Changwat* Yala, *Changwat* Narathiwat dan *Changwat* Saiburi. Menjelang tahun 1932, *Changwat* Saiburi ini telah ditukar menjadi sebuah *amphoe* dan diletakkan dibawah pentadbiran *Changwat* Pattani.²⁰

2.2.1 Keadaan geografi


Dari segi geografi, keadaan *changwat* ini adalah lembap. Jumlah hujan yang diterima oleh *Changwat* Narathiwat agak lebat kerana *changwat* ini menerima pengaruh kedua-dua angin Monsun Barat Daya dan Timur Laut. Purata hujan tahunan yang dibawa oleh kedua-dua angin monsun ini adalah melebihi 2,000 mm dengan kadar harian 25.6 mm. Walaupun Narathiwat lebih hampir kepada Garisan Khatulistiwa, suhunya tidak tinggi tetapi lembab. Suhunya adalah di antara 22°C hingga 29°C sementara kadar sejatan 1.5 mm.

Keadaan topografi pula, lebih dua pertiga atau 73% dari *changwat* ini adalah kawasan tanah tinggi yang merangkumi 40% banjaran gunung dan 33% kawasan tanah tinggi. Ketinggian

kawasan banjaran pergunungan ini adalah lebih dari 500 meter dari paras laut. Contohnya adalah Banjaran Gunung Sangkalakiri (panggilan tempatan banjaran Bukit Tuil) yang juga menjadi sempadan dengan negara Malaysia. Banjaran ini juga mengunjur masuk ke Semenanjung Malaysia membentuk banjaran Gunung Titiwangsa. Seluas 33% lagi merupakan kawasan tanah tinggi yang merupakan kawasan kaki bukit dalam ketinggian antara 300-500 meter dari paras laut. Hanya satu pertiga atau 27% dari *changwat* ini merupakan dataran rendah.²¹ [Lihat Peta 2.3].

Oleh kerana keadaan muka bumi *changwat* begini, hasil pertanian penduduknya disesuaikan mengikut ketinggian. Kawasan yang rendah disesuaikan dengan kelapa dan padi. Bagi kawasan tanah tinggi pula, tanaman getah yang lebih sesuai. Bagi kawasan berbukit pula dan sukar diterokai, kawasan ini ditumbuhi hutan. Untuk menjelaskan keadaan muka bumi dan keadaan pertanian serta hutan semulajadi di dalam *Changwat* Narathiwat keratan rentas *changwat* ini dibuat berdasarkan Peta 2.3 [Lihat Rajah 2.1]


PETA 2.3
 KEADAAN RUPABUMI *CHANGWAT* NARATHIWAT DAN *CHANGWAT-CHANGWAT* LAIN DALAM KAWASAN *CHANGWAT CHAIDEEN PAAK TAI*



SUMBER: “**Papruam Dan Satekit Sangkom Kong Changwat Chaideen Paak Tai**” (Keadaan Ekonomi dan Sosial Bagi Wilayah-wilayah Sempadan Selatan), *Sun Amnuakarn Borihan Changwat Chaideen Paak Tai*, Yala , September 1995, hal. 6.

RAJAH 2.1

KERATAN RENTAS BAHAGIAN TENGAH *CHANGWAT* NARATHIWAT (DARI A-B BERDASARKAN PETA 2.3) MENUNJUKKAN KETINGGIAN MUKABUMI, JENIS-JENIS HASIL PERTANIAN DAN HUTAN SEMULAJADI.



SUMBER: Sun Ketsakarn Patthana , Phikunthong Study Center (Kajian Pembangunan di Pusat Pengajian Phikunthong), Narathiwat, Thailand, 1996.

2.2.2 Guna tanah pertanian

Secara keseluruhannya, *Changwat Narathiwat* adalah satu kawasan yang subur untuk pertanian. Seperti kebanyakan penduduk Bahagian Selatan Thailand, penduduk *Changwat Narathiwat* juga berkecimpung dalam kegiatan pertanian sebagai asas ekonomi. Antara kegiatan-kegiatan tersebut adalah penanaman getah, kelapa, buah-buahan, padi dan perikanan.²²

Bagi membekalkan keperluan air untuk pertanian, kerajaan telah membina banyak sistem tali air yang dikelola oleh anak raja Thailand berasaskan sungai-sungai utama *changwat*. Projek pengairan yang dikenali sebagai "*Sung ruamthang krongkarn chompratan nai prakcadambrik*" dibuat melalui empat batang sungai utama iaitu Sungai Saiburi, Sungai Narathiwat, Sungai Takbai dan Sungai Kolok.²³

Sektor pertanian ini dapat diperhatikan bermula dari pinggir pantai ke pedalaman. Kegiatan penduduk di bahagian pinggir pantai adalah menangkap ikan di pinggir pantai Teluk Siam secara kecil-kecilan. Penduduk di sini juga mendapat sumber pendapatan dari hasil kelapa. Tanah berpasir di sepanjang pantai Teluk Siam dengan keluasan 57,570 *rai* sesuai untuk dijadikan kawasan penanaman kelapa.

Bahagian barat dari tanah pasir ini pula merupakan kawasan yang sangat subur kerana terdapat bahan organik yang banyak. Pelbagai jenis tanaman seperti nenas dan kelapa sawit diusahakan di kawasan ini. Namun begitu, di beberapa tempat kawasan ini keadaannya berpaya. Seluas 181,612 *rai*

boleh diguna untuk pertanian dan seluas 113,484 *rai* dari kawasan ini keadaan tanahnya masam kelat, tidak subur untuk pertanian.

Penanaman padi pula dijalankan di bahagian tengah yang keluasannya adalah 284,632 *rai*, merupakan kawasan dataran landai. Di setengah-setengah tempat juga ditanam dengan pokok gajus yang mana keluasannya kira-kira 5,306 *rai*.

Bahagian pedalaman, kawasannya lebih tinggi. Kawasan seluas 291,696 *rai* ini merupakan kawasan tanaman kebun buah-buahan. Pengeluaran hasil utama buah-buahan *Changwat Narathiwat* adalah pisang, kelapa, durian, rambutan, langsung, dokong dan petai. Hasil tanaman ini juga merupakan antara 10 hasil tertinggi *Changwat Narathiwat* bagi keseluruhan negara Thailand.

Bahagian lebih pedalaman dari kawasan ini pula merupakan kawasan tanaman getah. Tanah kawasan ini adalah jenis laterit dan mempunyai saluran yang baik. Keluasan kawasan penanaman getah ini adalah 1,030,632 *rai*. Hasil getah telah menjadi komoditi yang paling penting sejak dari Perang Dunia ke-2 sebagai hasil eksport Thailand yang kedua penting selepas padi. Getah ini bukan sahaja diusahakan oleh penduduk *Changwat Narathiwat* tetapi merupakan tanaman utama di Bahagian Selatan Thailand kerana iklim dan tanah yang sesuai untuk tanaman ini.

Sebahagian besar iaitu 786,681 *rai* dari bahagian pedalaman juga masih lagi diliputi hutan yang hasilnya

terdiri dari kayu cengal, seraya dan lain-lain.²⁴ Secara keseluruhannya keadaan rupabumi dan pertanian *changwat* ini dapat dilihat dalam Jadual 2.1.

JADUAL 2.1

KEADAAN PERTANIAN DI CHANGWAT NARATHIWAT MENGIKUT KAWASAN, KELUASAN, JENIS PERTANIAN DAN TUMBUHAN SEMULAJADI DALAM TAHUN 1990

Amphoe	Jenis hasil pertanian dan tumbuhan semulajadi (dalam keluasan rai persegi)						
	Padi	Getah	Buahan	Gajus	Kelapa	Paya	Hutan
Amphoe Muang	33,865	35,960	7,309	1,807	62,701	62,710	1,924
Takbai	49,290	3,810	5,775	1,502	21,260	51,700	26,576
Sungai Kolok	17,427	25,567	6,770	30	400	24,906	11,370
Sungai Padi	20,677	102,847	39,975	-	1,314	46,838	19,437
Weng	13,412	102,563	8,585	-	544	-	91,941
Rangae	51,406	100,475	53,991	-	3,106	1,762	32,166
Ruso	13,389	150,889	9,116	-	1,519	-	45,575
Srisakorn	4,721	203,924	15,822	-	690	-	92,861
Yingo	20,570	53,806	10,524	-	2,095	35,294	3,031
Bacho	24,065	19,325	17,957	1,967	12,674	9,234	21,338
Sukirin	666	58,790	16,925	-	645	-	238,009
Chanae	4,838	128,425	17,547	-	746	-	192,940
Choerong	30,306	44,251	9,400	-	1,477	8,293	9,450
JUMLAH	284,632	1,030,632	291,696	5,306	57,570	240,728	786,618

SUMBER: "Rainan Kansuksa Reang Kanplukpit Nai Pachuban Doi Chai Paphaidauthiam Changwat Narathiwat Pi 2535" (Perihal Berkaitan dengan Bercucuk Tanam Pada Masa Sekarang Dengan Menggunakan Gambar Satelit Di Changwat Narathiwat Tahun 1990), Phikunthong Study Centre, Narathiwat Thailand, 1990, hal. 14

2.2.3 Keadaan ekonomi

Keluaran hasil wilayah secara kasar (Gross Prinvincial Product [GPP]) *Changwat* Narathiwat adalah rendah berbanding dengan *changwat-changwat* lain di Selatan Thailand. Jadual 2.2 memperlihatkan perbandingan hasil keluaran secara kasar antara wilayah-wilayah lain di Bahagian *Paak Tai*. GPP *Changwat* Narathiwat adalah 9,700.4 juta *Baht* iaitu sejumlah

1,819.9 juta *Baht* di bawah kadar purata Bahagian Selatan Thailand. Sementara itu GPP per kapita *changwat* ini hanyalah 16,696 *Baht* menghampiri yang paling rendah dari keseluruhan pendapatan per kapita bagi *changwat-changwat* di Selatan Thailand.²⁵ Sehubungan dengan itu, *changwat* ini boleh dilihat sebagai wilayah yang mengalami kemiskinan yang agak ketara.

JADUAL 2.2:

HASIL KELUARAN KASAR (GPP) DAN PENDAPATAN PER KAPITA BAGI 14 WILAYAH-WILAYAH SELATAN THAILAND PADA HARGA SEMASA TAHUN 1992

<i>Changwat</i>	GPP (Juta <i>Baht</i>)	GPP per Kapita (<i>Baht</i>)
Chumphon	9,286.4	22,650
Krabi	7,818.8	25,890
NakhonSritammarat	25,068.9	16,859
Narathiwat	9,700.4	16,696
Pattani	7,721.4	13,912
Phangnga	7,393.4	33,915
Phatthalung	7,137.5	14,901
Phuket	11,349.7	66,372
Ranong	4,916.4	41,314
Satun	5,182.3	22,630
Songkla	26,447.4	23,446
Surat Thani	20,804.2	27,302
Trang	11,041.8	20,486
Yala	7,415.8	20,262
Purata GPP	11,520.3	26,188

SUMBER: Maklumat disusun semula dari **Thailand in Figures 1992-1993**, Alpha Research Co.Ltd., Bangkok, Thailand, hal..867-912


2.2.4 Peringkat pentadbiran *changwat*

Pentadbiran dalam setiap *changwat* di negara Thailand terdiri dari beberapa peringkat yang lebih kecil iaitu *amphoe* dan *tambon*. Pentadbiran dalam *Changwat Narathiwat* terdiri dari 14 buah *amphoe* dan 77 buah *tambon*. *Amphoe-amphoe* yang terdapat dalam *Changwat Narathiwat* adalah *Amphoe Muang Narathiwat*, *Amphoe Takbai*, *Amphoe Sungai Kolok*, *Amphoe Sungai Padi*, *Amphoe Weng*, *Amphoe Rangae*, *Amphoe Ruso* (panggilan penduduk tempatan; Jabat), *Amphoe Srisakorn* (Kuala Kawin) *Amphoe Yingo*, *Amphoe Bacho* (Pekbun), *Amphoe Sukirin*, *Amphoe Chanae* dan *Amphoe Choerong*. Setiap *amphoe* ini ditadbirkan oleh seorang pegawai daerah atau disebut sebagai *palad amphoe*. *Amphoe Muang Narathiwat* dan *Amphoe Sungai Kolok* merupakan dua bandar yang paling besar dalam *changwat* ini. Kedua-dua *amphoe* ini ditadbirkan oleh *thetsabaan* atau majlis perbandaran sementara 12 *amphoe* yang lain di bawah pentadbiran *theksukkapibaan* atau majlis daerah.²⁶

Lokasi bagi kajian ini terletak dalam *Tambon Bangpho*, dalam kawasan pentadbiran *Amphoe Muang Narathiwat*. *Amphoe Muang* terletak di tepi Teluk Siam dan merupakan pusat pentadbiran *Changwat*. Keluasan *Amphoe Muang* adalah 305,115 km persegi. Dalam pentadbirannya, ia meliputi satu ket *thetsaban* (majlis perbandaran) dan enam *tambon*. *Tambon-tambon* tersebut adalah *Bangnat* (*Ket Thetsaban Narathiwat*), *Tambon Kokian*, *Tambon Lampu*, *Tambon Maknangtayo*, *Tambon Bangpho*, *Tambon Kaklua* dan *Tambon Kaklua Nea*.²⁷ Lihat Peta 2.4

ETA 2.4:

HANGWAT NARATHIWAT MENUNJUKKAN KEDUDUKAN *AMPHOE-AMPHOE* DALAM PENTADBIRANNYA.



SUMBER: “ Komun Tuapai Changwat Narathiwat Pi 2538” (Changwat Narathiwat secara keseluruhan bagi tahun 1995), Samnakngan Amphoe Muang Narathiwat, Narathiwat, Thailand, 1996, hal..j4

2.3 *Tambon Bangpho* dan kawasan kajian


Unit pentadbiran yang paling kecil dalam negara ini adalah *tambon*. Sebenarnya *tambon* atau mukim adalah sama di mana-mana sahaja iaitu dibentuk oleh kerajaan sebagai satu unit pentadbiran terutama untuk pentadbiran tanah, pendaftaran hak milik dan pemungutan hasil. Sempadan mukim ditentukan mengikut persetujuan mesyuarat wilayah yang kadang-kadang menembusi sungai dan *mubaan*. *Tambon Bangpho* di mana kajian ini dibuat adalah terletak kira-kira 16 km dari Bandar Narathiwat dan 50 km dari sempadan Malaysia - Thailand di Rantau Panjang. (Lihat Peta 2.5)

Mengenai sejarah asal pembukaan *tambon* ini, ramai di antara penduduk mempunyai cerita lisan yang stereotaip. Mereka mengatakan bahawa *tambon* ini wujud hasil dari peluasan sebuah penempatan di tepi Sungai Bangnara (juga dipanggil Sungai Bangpho) kira-kira 150 tahun dahulu.²⁸ Mengikut cerita mereka, pada zaman dahulu ada seorang pedagang dari Tanah Melayu telah melalui Sungai Bangnara dengan menggunakan perahu untuk pergi berniaga di Pekan Narathiwat. Setelah sampai di satu kawasan yang mempunyai dua rumpun pokok yang dikenali sebagai "pokok pho", beliau melihat seolah-olah terdapat orang di kawasan itu. Namun begitu beliau tetap meneruskan perjalanannya ke Narathiwat untuk berniaga.

Semasa balik dari berniaga, beliau menggunakan laluan yang sama. Apabila sampai di kawasan tersebut beliau

PETA 2.5

TAMBON BANGPHO MENUNJUKKAN JALAN-JALAN PERHUBUNGAN UTAMA SERTA MUBAAN-MUBAAN DALAM PENTADBIRANNYA DALAM TAHUN 1996



SUMBER: Pen Patthana Tambon 5 Pi, Tambon Bangpho, Amphoe Muang, Changwat Narathiwat (2535 – 2539) (Rancangan Pembangunan Tambon 5 Tahun, Tambon Bangpho, Wilayah Narathiwat (1992 – 1996), Samnakngan Amphoe Muang, Changwat Narathiwat, Thailand, hal. 5

melihat ada sebuah perahu, seekor burung ketitir di dalam sangkar dan sehelai baju yang disangkut pada "pokok pho". Timbul keinginan untuk singgah dan melihat dengan lebih jelas kawasan tersebut. Apabila beliau menaiki tebing sungai, beliau nampak beberapa bumbung rumah. Rupa-rupanya di kawasan tersebut terdapat sekumpulan orang Melayu yang mendirikan penempatan. Lalu beliau berjumpa dengan masyarakat kampung itu dan memperkenalkan diri. Sebagai seorang peniaga, beliau melihat kampung tersebut adalah strategik kerana terletak di tepi laluan perdagangan dan patut dibangunkan sebagai sebuah pusat perniagaan. Beliau kemudian berbincang dengan penduduk setempat untuk memberi nama kawasan tersebut. Sempena nama pokok pho yang begitu banyak dalam kawasan itu (dalam bentuk rumpun), beliau menamakan kampung itu sebagai Bangpho (Dalam bahasa Thai *bang* bererti 'banyak' dan pho adalah nama sejenis pokok; dari itu nama Bangpho bererti 'banyak pokok pho').

Setelah itu beliau sering berulang-alik ke Bangpho dengan membawa barang dagangan seperti makanan dan pakaian. Lama-kelamaan kawasan tersebut semakin maju dan membangun dengan lebih banyak rumah-rumah telah didirikan. Sebuah pasar dan kawasan untuk pertandingan burung ketitir telah diwujudkan. Sungai Bangnara telah menjadi jalan perdagangan yang sibuk. Sebagai menambahkan pendapatan, penduduk tempatan telah mengerat dan menjual daun dari pokok pho yang digunakan oleh orang tua (dari sini dapat dinyatakan bahawa

pokok pho ini mungkin pokok nipah).

Semenjak dari itu kawasan Bangpho semakin maju dan berkembang secara meluas sehingga boleh dibahagikan kepada lapan buah *mubaan*. *Mubaan-mubaan* itu kemudian diberi nombor dari satu hingga lapan mengikut kemajuan masing-masing. *Mubaan-mubaan* tersebut adalah *Baan Yaro* yang merupakan kawasan asal Bangpho (yang dipanggil *mubaan thi nung*), *Baan Kok Titir* (*mubaan thi song*), *Baan Kok Sumut* (*mubaan thi saam*), *Baan Talokneng* (*mubaan thi si*), *Baan Tamnok* (*mubaan thi ha*), *Baan Cenga* (*mubaan thi hok*), *Baan Kena* (*mubaan thi chet*) dan *Baan Tuntokdang* (*mubaan thi pet*). Keluasan tambon ini adalah 13,306 rai² dengan 9,770 rai² merupakan kawasan pertanian.

Pada hari ini penduduk setiap *mubaan* tersebut berjumlah seperti berikut; *Baan Yaro* (kampung Melayu) seramai 882 orang, *Baan Kok Titir* (kampung Thai) seramai 784 orang, *Baan Kok Sumut* (kampung Melayu) penduduknya berjumlah 684 orang, *Baan Talokneng* (penduduk bercampur antara Melayu dan Thai) penduduk seramai 1,187 orang, *Baan Tamnok* (penduduk Melayu) dengan jumlah 536 orang, *Baan Cenga* penduduk Melayu seramai 803 orang, *Baan Kena* (penduduk campuran Melayu 80% dan Siam 20%) seramai 924 orang dan *Baan Tuntokdang* (Melayu) seramai 1,107 orang. Jumlah keseluruhan penduduk *Tambon Bangpho* adalah 6,907 dengan 1,300 keluarga.²⁹ (Lihat Jadual 2.3)

JADUAL 2.3

KEADAAN KESELURUHAN DARI SEGI KELUASAN, PENDUDUK DAN KAWASAN PERTANIAN BAGI SETIAP MUBAAN DALAM TAMBON BANGPHO PADA TAHUN 1996.

Mubaan	Keluasan (rai ²)	Penduduk				Kawasan Pertanian (rai ²)
		Lelaki	Perempuan	Jumlah	Keluarga	
Mubaan thi nung (Baan Yaro)	2,672	443	439	882	190	1,690
Mubaan thi song (Baan kok Titir)	2,062	386	398	784	241	1,660
Mubaan thi saam (Baan Kok Sumut)	1,014	338	346	684	120	850
Mubaan thi si (Baan Talokneng)	1,674	577	610	1,187	224	1,200
Mubaan thi ha (Baan Tamnok)	1,004	267	269	536	87	350
Mubaan thi hok (Baan Cenga)	1,662	406	397	803	145	1,400
Mubaan thi chet (Baan Kena)	1,895	471	453	924	183	1,420
Mubaan thi pet (Baan Tuntokdang)	1,320	531	576	1,107	137	1,200
JUMLAH	13,306	3,419	3,488	6,907	1,300	9,770

SUMBER: Maklumat dari Sun Patthana Tambon (So.Po.To), Tambon Bangpho, 1996

Kemudahan asas yang terdapat di *Tambon* Bangpho dapat dilihat dari sudut infrastruktur dan kemudahan sosial. Kemudahan infrastruktur ini adalah seperti jalan raya, bekalan air, elektrik dan telefon. Kemudahan jalan raya mulai dinikmati oleh penduduk sejak tahun 1986. Jalan utama yang telah diturap pada tahun 1993 sepanjang lima km, merupakan jalan mati yang penghujungnya sampai ke Sungai Bangnara. Selain dari jalan masuk utama ini, terdapat 32 batang jalan lain termasuk jalan yang belum diturap yang kedudukannya berselirat dalam setiap *mubaan*. (Lihat lampiran; Gambar 2.1). *Tambon* Bangpho menerima bekalan elektrik sejak 10 tahun yang lalu. Bekalan tenaga ini diterima dari pencawang elektrik yang terletak di bandar Narathiwat. Pencawang ini mendapat bekalan tenaga dari sumber tenaga elektrik hidro di *Baan Lang, Changwat Yala*. 98% dari rumah-rumah dalam *tambon* ini menerima bekalan elektrik.

Bekalan air bersih dalam *tambon* ini masih lagi tidak memuaskan kerana tiada bekalan air paip disediakan. Sumber bekalan air bersih bagi penduduk tempatan adalah perigi. Bagi keseluruhan *tambon*, sumber air telaga atau perigi adalah 966 buah dan 15 buah tempat air bawah tanah. Air dari perigi akan diambil menggunakan timba untuk kegunaan seharian. Bagi golongan yang berada mereka lebih gemar menggunakan air bawah tanah yang disedut menggunakan enjin. Kebanyakan rumah golongan kaya ini mempunyai paip air di dalam rumah.

Telefon awam adalah kemudahan yang paling baru disediakan oleh kerajaan. Sebanyak 13 buah pondok telefon awam telah dibawa masuk ke *tambon* Bangpho pada bulan April 1997. Dalam setiap *mubaan* diletakkan dua buah pondok telefon kecuali *Baan Yaro* yang mempunyai satu pondok telefon sahaja. Dengan adanya sistem perhubungan ini penduduk boleh berkomunikasi dengan lebih cepat ke mana-mana destinasi. Kebanyakan pondok telefon ini didirikan di sepanjang jalan utama dan berdekatan dengan rumah penduduk.

Dari segi kemudahan sosial pula, beberapa perkara telah disediakan di dalam *tambon* ini. Terdapat sembilan buah sekolah di dalam *tambon* ini yang meliputi lapan buah sekolah *prakthom sukxa* yang masing-masing satu di setiap *mubaan* dan sebuah sekolah *mateyom sukxa* yang dibina di *Mubaan thi saam*. Kebanyakan sekolah *prakthom sukxa* mempunyai dua blok sahaja yang dibina dari kayu. Hanya dua buah sekolah *prakthom sukxa* yang dibina menggunakan separuh konkrit iaitu *Rongrian Prakthom Baan Yaro* dan *Rongrian Prakthom Baan Kok Titir*.

Bagi kemudahan tempat beribadat pula terdapat sebuah masjid bagi setiap *mubaan* kecuali *Mubaan thi saam* yang mempunyai dua buah masjid. Jumlah keseluruhan masjid dalam *Tambon* Bangpho adalah sembilan buah. Seperti juga kebanyakan tempat lain, masjid sememangnya menjadi tumpuan terutama pada hari Jumaat. Selain dari tempat ibadat, masjid ini juga digunakan sebagai tempat mesyuarat untuk membincangkan sesuatu rancangan yang berkaitan dengan masyarakat.

Bagi penganut agama Buddha, terdapat dua kemudahan tempat untuk beribadat iaitu sebuah *wat* dan sebuah *samnak song*. *Samnak song* ini sedikit berbeza dengan *wat* dari segi saiz dan kelengkapannya yang lebih kecil. *Wat* pula lebih besar dan mempunyai sebuah bangunan yang berbentuk pagoda yang dipanggil *bod*. Setiap kali adanya majlis-majlis perayaan yang berkaitan dengan agama, kedua-dua tempat ini akan menjadi tumpuan penganut agama Buddha. Ini terutamanya apabila ada penduduk *tambon* yang akan menjadi sami atau akan keluar *wat*.

Pentadbiran *tambon* dibuat oleh dua jawatankuasa iaitu satu, *Kanakkamakarn Sapha Tambon* (Jawatan Kuasa Majlis Tambon) dan kedua, *Khanak Tamngan Sanaksanum Kanpathibatkaan Phattana Chonnabot Radap Tambon* (Badan Sokongan Perlaksanaan Pembangunan Luar Bandar Peringkat Tambon). *Tambon* Bangpho dikendalikan di bawah pentadbiran *Khanak Kammakarn Sapha Tambon Bangpo*. Jawatankuasa Majlis Tambon ini merupakan badan utama yang bertanggungjawab dalam mentadbirkan *tambon*.

Struktur dan organisasi *Kanakkamakan Sapha Tambon* dalam tahun 1996 adalah seperti berikut: Jawatan tertinggi atau *pratan* (pengerusi) di pegang oleh *kamnan*. Ini diikuti oleh *phuyai baan* setiap *mubaan*, *samachit mubaan* (perwakilan setiap *mubaan* yang biasanya diwakili oleh orang kanan *phuyai baan*). Dalam struktur organisasi ini juga tidak ketinggalan *pet prakchan tambon* (dokter *tambon*), *lekha sapha tambon* (Ahli Jawatan Kuasa) dan juga *canati tambon* (setiausaha minit

mesyuarat).

Bagi *Kanak Tamngan Sanaksanum Kanpathibatkarn Phattana Chonabot Radap Tambon* (Badan Sokongan Perlaksanaan Pembangunan Luar Bandar Peringkat *Tambon*), badan ini diketuai oleh *palad amphoe* (pegawai daerah) dan diikuti dengan jawatan *kamnan*, *satharanaksuk tambon* (pegawai kesihatan *tambon*), *kaset tambon* (pegawai pertanian *tambon*), *kru kanpattana tambon [Kru Ko.Po.To]* (guru pembangunan *tambon*), *ratsedong phu sung Kunnawuddhi* (ahli penasihat *tambon*) *ratsedong phu mi khwamru dan chang* (ahli yang ada kemahiran) *kru asai tambon* (guru kependudukan *tambon*) *phattanakom tambon* (pemaju *tambon*) *Po.Ro.So.* (pegawai keselamatan *tambon*).

Walau bagaimanapun, sistem *Kanakkamakarn Sapha Tambon* dikatakan terlalu banyak berlaku kes-kes yang tidak diingini. Segala perbelanjaan yang diperuntukkan oleh peringkat *changwat* dan diberikan melalui permohonan anggota mesyuarat ini dikatakan tidak munasabah dari segi pembangunan *tambon* dengan kewangan yang dipohon dari Bahagian Kewangan *Changwat*. Ini kerana dikatakan berlaku kebocoran di dalam saluran pemindahan wang tersebut. Oleh yang demikian, satu sistem baru telah diperkenalkan yang dinamakan pentadbiran *O.Bo.To*. Sistem pentadbiran *O.Bo.To* ini adalah memberi peluang kepada penduduk setiap *mubaan* mendapat peluang pembangunan melalui perwakilan setiap *mubaan* seramai dua orang melalui pengundian. Pentadbiran ini juga mempunyai kuasa penuh dalam menyelesaikan masalah dan pembangunan

tambon. Segala hasil *tambon* seperti hasil tanah, kedai, kilang dan sebagainya akan dipungut oleh ahli *O.Bo.To* dan menjadi tanggungjawab mereka untuk membangunkan *tambon*. Sebenarnya sistem *O.Bo.To* telah lama juga diperkenalkan semenjak kira-kira 10 tahun yang lalu tetapi perlaksanaannya tidak menyeluruh. Menjelang tahun 1997, Kerajaan Thailand telah melaksanakan sistem ini secara menyeluruh dan pada 11 hb. Mei 1997, sistem ini telah dilaksanakan di *Tambon Bangpo* dan dengan ini sistem *Kanakkamakan Sapha Tambon* telah diganti dengan sistem pentadbiran *O.Bo.To*.³⁰

Sebenarnya, peringkat *tambon* adalah satu kawasan yang luas, dan pada kelazimannya, kebanyakan dari aktiviti sosial dan ekonomi dijalankan dalam unit yang lebih kecil iaitu *mubaan* atau kampung. Sebuah *mubaan*, pada hakikatnya bukanlah sebuah unit pentadbiran seperti mana tafsiran yang dibuat oleh ramai para pengkaji mengenai kampung. Mengikut S. Husin Ali dalam kajiannya di Malaysia menyatakan bahawa "Kampung biasanya bukanlah sebuah unit pentadbiran akan tetapi sebuah unit sosial yang mempunyai perasaan setiakawan dan ketetanggaan".³¹ Tafsiran yang dibuat ini memang sesuai dengan situasi sebuah *mubaan* di Thailand. Ia memperlihatkan wujudnya pertalian kekeluargaan dan sikap setiakawan yang utuh. Keadaan ini memberi asas untuk interaksi dalam ekonomi dan sosial di kalangan anggota masyarakat.

Sebagai usaha untuk menjelaskan lagi kajian ini, satu *mubaan* telah ditumpukan iaitu *Baan Kok Sumut* yang

merupakan *Mubaan thi saam* (kampung ke-3) yang terletak dalam *tambon* ini. *Mubaan* ini dipilih untuk melihat kegiatan ekonomi penduduk khususnya penanaman padi bagi mewakili anggota masyarakat luar bandar di *Changwat Narathiwat*.

Mubaan thi saam terdiri dari beberapa 'charok' atau kawasan yang lebih kecil, iaitu Bendang Hitam, Kube Bongor dan Kok Sumut. *Mubaan* yang mempunyai keluasan 1,014 *rai*² ini dihubungi oleh sebatang jalan utama yang tidak berturap (kemudian diturap dalam tahun 1997). Dari keluasan itu kira-kira 850 *rai*² merupakan kawasan pertanian seperti sawah padi, kebun getah dan sedikit pokok buah-buahan di sekeliling rumah. Sumber pengairan sawah bagi penduduk di sini adalah kube atau takungan semulajadi untuk mengumpul air hujan dan dibuat saluran bagi mengairi sawah mereka.

Jumlah penduduk *Mubaan thi saam* adalah 338 orang lelaki dan 346 orang perempuan yang menjadikan jumlah ke semuanya 684 orang dengan 120 buah keluarga. Penduduk *mubaan* ini adalah 100% orang Melayu yang mana kehadiran orang Thai di *mubaan* ini hanya sebagai pekerja kerajaan sahaja. Mereka ini adalah *kru* yang mengajar di sekolah serta dua orang jururawat di *anamai*.

Sejak satu dekad yang lalu taraf kesihatan penduduk semakin meningkat. Melalui kajian yang dijalankan oleh pihak kesihatan desa taraf kesihatan ini dapat dilihat dari kadar kematian yang semakin kurang berbanding dengan kadar kelahiran. Keadaan persekitaran yang bersih, setiap rumah

mempunyai tandas, ibu-ibu yang mengandung kerap mendapat pemeriksaan di *anamai* telah membantu ke arah peningkatan taraf kesihatan ini.³²

Bagi warga tua yang berumur 60 tahun dan lebih, pihak kerajaan melalui agensinya akan memberikan satu kad kesihatan yang dinamakan *bat sukhapap* bagi membolehkan mereka mendapat khidmat kesihatan secara percuma. Kad ini bukan sahaja diberi secara percuma tetapi juga boleh dibeli di *anamai* yang berdekatan oleh sesiapa sahaja dengan harga 50 Baht untuk tempoh setahun bagi satu keluarga. Pekerja kerajaan juga seperti *kamnan, phuyaibaan, sarawat, phu chuai, Po.Ro.So* dan ahli *O.So.Mo* boleh menggunakan kad perjawatan masing-masing untuk menerima perkhidmatan kesihatan secara percuma. Dengan kemudahan seperti ini ia juga turut membantu meningkatkan lagi taraf kesihatan penduduk *mubaan*.³³

Kebanyakan kemudahan asas *tambon* dibina di *Mubaan thi saam*. Sebuah sekolah *praktom suksa* dibina di *mubaan* ini. (Lihat lampiran; Gambar 2.2). Sekolah *mathayom suksa* iaitu sekolah *Rongrian Bangpho Prakcarak* yang dibina di *Mubaan thi saam* pada tahun 1992 adalah bagi menampung semua pelajar sekolah rendah di *tambon* ini. Mengikut laporan majalah sekolah tahun 1996 pelajar sekolah ini yang berjumlah 380 orang bukan dari *Tambon Bangpho* sahaja tetapi juga dari *tambon-tambon* yang berdekatan. Motto sekolah ini adalah "*Kansuksa Tamhai Kon Calat*" atau "Pelajaran Punca Kebijaksanaan".³⁴ Sekolah ini hanya untuk pembelajaran

menengah rendah sahaja, iaitu dari tingkatan satu hingga tingkatan tiga. Dengan demikian, pelajar yang ingin menyambung pelajaran terpaksa keluar dari kampung dan melanjutkan pelajaran di bandar Narathiwat, Yala dan sebagainya. (Lihat lampiran; Gambar 2.3)

Terdapat sebuah sekolah pondok yang dibina di masjid *Mubaan thi saam*. Seperti mana kawasan *wat* dijadikan pusat pengajaran agama Buddha di *Baan Kok Titir*, kawasan masjid juga dijadikan pusat ajaran agama Islam. Sebuah bangunan didirikan bersebelahan dengan masjid untuk pengajaran agama Islam dan Bahasa Melayu bagi anak-anak penduduk yang berumur antara tujuh hingga 12 tahun iaitu yang masih mengikuti pembelajaran di peringkat *prakthom suksa* di sekolah kerajaan. Pembelajaran sekolah Melayu ini hanya pada hari Sabtu dan Ahad sahaja.

Hanya dua orang guru yang ditugaskan di sini. Mereka adalah dari sekolah agama yang lebih tinggi iaitu dari Pondok Choerong. Mereka tidak menerima gaji sebaliknya sekadar ihsan dari penduduk *mubaan* pada setiap bulan. Mereka juga menyediakan makan dan minum untuk guru-guru yang datang mengajar mengikut giliran dari rumah ke rumah seperti mana yang telah ditetapkan oleh *Kamakarn Masjid Mubaan thi saam*. (Lihat Lampiran; Gambar 2.4)

Kemudahan tempat mesyuarat *tambon* juga dibina di *Mubaan thi saam*. *Sapha Tambon* ini berfungsi seperti balai penghulu di mana digunakan untuk mesyuarat dan ceramah.

Tempat ini juga bertindak sebagai saluran maklumat dan pembangunan dari kerajaan yang dikenali sebagai *sun patthana tambon (So.Po.To)* atau pusat pembangunan *tambon*. (Lihat lampiran; Gambar 2.5)

Dalam *Tambon Bangpho* terdapat sebuah *anamai* yang didirikan di *Mubaan thi saam*. *Anamai* ini dikendalikan oleh tiga orang jururawat. Ia menyediakan pelbagai kemudahan bagi semua golongan penduduk yang menghadapi masalah-masalah kesihatan, ibu-ibu mengandung dan perkhidmatan imunisasi bayi. Sekiranya berlaku kes-kes kecemasan, pesakit akan dibawa ke *Rong Phayabarn Changwat* iaitu Hospital Besar Narathiwat. (Lihat lampiran; Gambar 2.6)

Dari segi pandang darat kawasan perumahan penduduk, perletakan rumah-rumah di dalam *mubaan* ini dapat dibahagikan kepada tiga kategori iaitu berjajar, bertumpu dan berselerak. Corak rumah yang berjajar dapat dilihat di sepanjang jalan masuk utama ke *mubaan* ini. Sebahagian besar dari rumah-rumah ini adalah berbentuk tradisional dengan tiang yang tinggi, tangga yang diperbuat daripada kayu dan dindingnya tidak dicat (Lihat lampiran; Gambar 2.7). Sebahagian kecil pula berbentuk rumah-rumah moden yang mana bahan binaannya adalah konkrit dan dindingnya dicat dengan warna putih dan kuning. Rumah-rumah yang berbentuk moden ini biasanya dipunyai oleh golongan yang berada seperti *kamnan* dan *kru* dan mereka yang menjalankan perniagaan.

Perletakan rumah secara bertumpu pula dapat dilihat


di kawasan lebih ke belakang dari jalan utama ini. Sungguhpun perletakannya bertumpu tetapi kedudukannya masih agak berjauhan tidak seperti mana perumahan setingan di kawasan bandar yang padat dan berdekatan antara sebuah rumah dengan sebuah rumah yang lain. Kebanyakan dari rumah-rumah di sini mempunyai hubungan adik-beradik kerana pembahagian satu tanah pusaka dari ibu bapa dan mereka mendirikan rumah di atas kawasan yang diperolehi. Separuh dari rumah-rumah ini berpagar dengan buluh dan kawat duri bagi membolehkan mereka bercucuk tanam di sekeliling rumah. Pagar ini dibina bertujuan untuk menghalang ternakan yang berkeliaran dari merosakkan tanaman mereka. Di kawasan ini lebih banyak kelihatan rumah berbentuk tradisional dengan dinding yang diperbuat dari papan, buluh dan zing. Sementara atapnya dibuat daripada daun sagu dan ada juga menggunakan bata. Cuma terdapat beberapa buah rumah sahaja yang menggunakan simen, itupun untuk bahagian tangga hadapan dan dapur sahaja.

Bentuk rumah yang berselerak tidak banyak, hanya empat buah sahaja yang berjauhan dengan rumah-rumah lain. Rumah-rumah ini dihuni oleh orang tua dan tidak mempunyai anak atau jika ada anakpun, tinggal berjauhan dengan anak-anak mereka. Semua rumah yang berjauhan ini menggunakan tangga hadapan yang diperbuat dari dahan kayu yang mempunyai palang ditepinya sebagai tempat berpegang untuk naik ke rumah. Rumah-rumah ini tidak menerima bekalan elektrik dan mereka hanya menggunakan pelita minyak tanah sahaja.

Gambaran keadaan fizikal, perletakan rumah-rumah penduduk, jalan masuk utama, kawasan pertanian dan sebagainya dapat dilihat dalam peta 2.6.

PETA 2.6

MUBAAN THI SAAM MENUNJUKKAN KEDUDUKAN RUMAH, KAWASAN SAWAH PADI, GETAH DAN JALAN - JALAN UTAMA TAHUN 1996



SUMBER: Pemerhatian ikut serta di lapangan.

2.4 Kesimpulan

Bab ini adalah perbincangan kepada Bahagian Selatan Thailand. Setelah itu, perbincangan ditumpukan kepada sebuah wilayah sahaja, iaitu Wilayah Narathiwat sebagai skop kawasan kajian secara umum. Penjelasan secara sepintas lalu bagi kawasan Selatan Thailand dan Wilayah Narathiwat adalah penting sebagai pengenalan kepada latar belakang sejarah, keadaan geografi dan sosioekonomi masyarakat Melayu yang menjadi tema kajian ini. Dari peringkat sebuah wilayah atau *changwat* ini, skop kawasan yang lebih kecil telah difokuskan kepada sebuah *tambon*, iaitu *Tambon Bangpho* sebagai lokasi kajian.

Peringkat *tambon* merupakan unit pentadbiran yang paling kecil dalam sistem pentadbiran Thailand. Segala bantuan, maklumat dan kemudahan asas dari kerajaan dapat dilihat di peringkat ini untuk kegunaan masyarakat di kawasan tersebut. Walau bagaimanapun, sebuah *tambon* seperti *Tambon Bangpho* ini mempunyai keluasan 13,306 *rai* atau 5,256 ekar masih lagi merupakan sebuah kawasan yang luas untuk pengkajian berbentuk ethnografi. Di dalamnya masih mengandungi lapan buah *mubaan*. Dengan demikian fokus kepada sebuah *mubaan* iaitu *Mubaan thi saam* yang mempunyai keluasan 1,014 *rai* dan 120 buah keluarga sudah memadai untuk melihat keadaan sosioekonomi masyarakat Melayu luar bandar di sebuah wilayah di Selatan Thailand. Di *Mubaan thi saam* ini, segala bentuk kaedah penyelidikan telah dijalankan untuk menjelaskan

mengenai masyarakat dan aktiviti-aktiviti ekonomi yang mereka lakukan. Penyelidikan yang mendalam dibuat terhadap kegiatan penanaman padi yang mereka kerjakan bagi mengenalpasti peranan tanaman tersebut dalam masyarakat Melayu di sebuah *mubaan* di dalam *Changwat* Narathiwat.

NOTA HUJUNG:

¹ Harald Uhlig; **"Southern Thailand and Its Border Provinces"** dalam **Regions and National Intergration in Thailand 1892-1992**, MZ-Verlagsdrucckerei GmbH, Memmingen, Germany, 1996, hal. 218

² **Ibid.**, hal. 219

³ Anat *et.al.*; **Thailand: Natural Resources Profile**, Oxford University Press, New York, USA, 1988, hal. 85

⁴ Harald Uhlig; **Op.Cit.**, hal. 219

⁵ Jumlah dikumpulkan dari **Thailand in Figures 1992/93** (2nd Printing), Alpha Research Co.Ltd., Bangkok, Thailand, hal. 850-909

⁶ Jangka masa 100 tahun ini dikira semenjak perdagangan antara bangsa dibuka oleh Perjanjian Bowring tahun 1855. Untuk keterangan lebih lanjut, sila lihat Sir John Bowring; **The Kingdom and People of Siam** (Vol.2) Oxford University Press, New York, USA, 1952, hal. 212-248

⁷ Thailand in Figures 1992/93; **Op.Cit.**, hal. 869

⁸ **"Komun Tuapai Changwat Narathiwat Pi 2538"** (Changwat Narathiwat Secara Keseluruhan bagi Tahun 1995), Samnakngan Amphoe Muang, Narathiwat, Thailand, 1992, hal. 195

⁹ Ahmad Fathy Al-Fatani; **Pengantar Sejarah Pattani**, Pustaka Darussalam, Alor Setar, Kedah, 1994, hal. 17

¹⁰ Worawit Baru @ Ahmad Idris; **"Tradition and Cultural Background of The Pattani Region"** dalam **Regions and National Intergration in Thailand 1892-1992**, MZ-Verlagsdrucckerei GmbH, Memmingen, Germany, 1995, hal. 195

¹¹ *Changwat-changwat* Pattani, Yala, Narathiwat dan Satun sebelum tahun 1963, *dipanggil Si Changwat Paak Tai* (yang bermaksud Empat Wilayah Selatan). Namun, pada tahun 1963, dalam satu mesyuarat menteri kabinet kali ke-18, dewan berpendapat panggilan tersebut telah melahirkan keadaan berpecah disebabkan timbul perasaan satu wilayah asing. Dengan demikian, panggilan tersebut telah ditukar kepada *Changwat Chaideen Paak Tai* (yang bermaksud Wilayah Sempadan Selatan). Sila lihat Aziz Deraman; **"Perancangan dan Kebudayaan di Malaysia"** dalam **Pertemuan Dunia Melayu '82**, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Kuala Lumpur, 1987, hal. 298

- ¹² Astri Suhrke; **The Thailand Muslims: Some Aspects of Minority Intergration**, Pacific Affair (Vol.43), Monash University, Australia, 1971, hal. 531
- ¹³ Kobkua Suwannathat-Pian; **Sejarah Thai Zaman Bangkok**, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Kuala Lumpur, 1991, hal. 17
- ¹⁴ Walter F.Vella; **Siam Under Rama III (1824-1851)**, J.J. Augustin Incorporated Publisher, New York, USA, 1968, hal.61
- ¹⁵ Cyrill Skinner, **The Civil War in Kelantan in 1839**, Malaysia Printer Ltd., Singapore, 1956, hal. 84
- ¹⁶ **Ibid.**, hal. 45
- ¹⁷ Virginia Thomson; **Thailand The New Siam**, Paragon Book Reprint Corporation, New York, USA, 1967, hal. 166
- ¹⁸ Wan Kadir Che Man; **"National Intergration and Resistence Movement: The Case of Muslims in Southern Thailand"** dalam **Regions and National Intergration in Thailand 1892-1992**, MZ-Verlagsdrucckerei GmbH, Memmingen, Germany, 1995, hal. 235
- ¹⁹ "Komun Tuapai Changwat Narathiwat Pi 2538" **Op.Cit.**, hal.4
- ²⁰ Cyrill Skinner; **Op.Cit.**, hal. 176
- ²¹ **"Papruam Dan Satekit Sangkom Kong Changwat Chaideen Paak Tai"** (Keseluruhan Ekonomi dan Sosial Wilayah Sempadan Selatan) *Sun Amnuaikarn Borihan Changwat Chaideen Paak Tai*, Yala, September, 1995, hal. 4
- ²² **"Narathiwat Province"** Tourism Authority of Thailand, Southern Office, Region 3, Sungai Kolok, Narathiwat, (Tarikh tidak dicetak), hal. 2
- ²³ **"Rainan Kaksuksa Reang Kanplukpit Nai Pachuban Doi Chai Paphaidauthiam Changwat Narathiwat Pi 2535"** (Hal Bercucuk tanam Pada Masa Sekarang Dilihat Melalui Gambar Satelit di Changwat Narathiwat Tahun 1992) Phikunthong Study Center, Narathiwat, Thailand, hal. 12
- ²⁴ Maklumat dari *Sun Ketsakarn Patthana Phikunthong* (Pusat Kajian Pembangunan Phikunthong) Phikunthong Study Center, Narathiwat, Thailand, tahun 1996
- ²⁵ "Komun Tuapai Changwat Narathiwat Pi 2538", **Op.Cit.**, hal.12
- ²⁶ **Ibid.**, hal. 14

²⁷ **"Banyai Serup Korackarn Po.So. 2536/2537 Amphoe Muang Changwat Narathiwat"** (Perihal Penting Mengenai *Amphoe Muang Narathiwat* bagi Tahun 1994/95), *Samnakngan Amphoe Muang, Narathiwat, Thailand*, hal. 2

²⁸ Cerita ini diterjemahkan oleh *Nai Soh baka Nuh*, (35), salah seorang penduduk *Mubaan thi saam*. Ia ditulis di atas sekeping papan berwarna putih dengan menggunakan bahasa dan tulisan Thai. Papan ini diletakkan di *Sapha Tambon* untuk tatapan umum mengenai sejarah *Tambon Bangpho*.

²⁹ Maklumat diperolehi dari *Sapha Tambon* bagi tahun 1996

³⁰ Maklumat dari *Nai Doloh baka Bukok*, (36), salah seorang *O.Bo.To.* yang mewakili *Mubaan thi saam*.

³¹ S.Husin Ali; **Masyarakat dan Kepimpinan Kampung di Malaysia**, Fajar Bakti Sdn.Bhd., Petaling Jaya, Selangor, 1977, hal. 61

³² Maklumat diperolehi dari *Anamai Tambon Bangpho* tahun 1996

³³ **"Pen Patthana Tambon Ha Pi [2535-2539]"** (Rancangan Pembangunan Tambon Lima Tahun [1992-1996], *Amphoe Muang, Changwat Narathiwat*, hal. 2

³⁴ **"Saraksontek Pikunsuksa Pi 2539 Rongrian Bangpho Prakcharat, Amphoe Muang, Changwat Narathiwat"** (Majalah Sekolah Bangpho Prakcharat), *Narathiwat*, 1996, hal. 12